

Cagamas terbit bon RM1.5 billion

PETALING JAYA: Perbadanan gadai janji Malaysia, Cagamas Berhad (Cagamas) mengumumkan pemuktamadan terbitan bon beragregat berjumlah RM1.5 bilion.

Terbitan itu merangkumi dua bahagian dalam Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) dua tahun dengan jumlah terbitan masing-masing RM700 juta dan RM800 juta.

Hasil daripada terbitan tersebut akan digunakan untuk membiayai pinjaman perumahan daripada sistem kewangan.

Presidennya, Datuk Chung Chee Leong berkata, pihaknya gembira dengan satu lagi kesimpulan terbitan terbaharu syarikat itu selama dua minggu berturut-turut berikutan terbitan bon RM1.04 bilion pada minggu lalu.

“Penerbitan RM700 juta itu diselesaikan melalui tawaran persendirian, sementara bahagian kedua berjumlah RM800 juta itu dilakukan menerusi proses penetapan harga de-



CHUNG CHEE LEONG

ngan persetujuan penjual dan pembeli yang ditingkatkan kepada RM800 juta daripada saiz awal RM500 juta.

“Latihan itu menarik saiz tempahan sebanyak RM925 juta daripada pelbagai kumpulan pelabur domestik dan luar pesisir yang membentarkan syarikat menutup hasil akhir pada 2.50 peratus daripada panduan harga awal 2.55 peratus, mencatatkan sebaran 44 mata asas berbanding Sekuriti Kerajaan Malaysia,” katanya.

dalam kenyataan.

Jelasnya, langkah penentuan harga bagi terbitan terkini itu disimpulkan di pasaran yang agak lemah selepas cuti Hari Raya Aidilfitri dan menerima sokongan yang memberangsangkan daripada para pelabur.

Jumlah terbitan terbaharu itu membawa nilai terkumpul terbitan Cagamas bagi tahun ini mencecah RM5.9 bilion.

Kertas-kertas yang boleh ditebus semula pada nilai nominal penuh setelah mencapai tahap matang itu, merupakan tanggungan yang tidak dijamin oleh syarikat, kadar setara atau pari passu dan semua tanggungan tidak terjamin oleh syarikat yang sedia ada.

Ia akan disenarai dan didagangkan di bawah Sistem Dagangan Sekuriti Scrippless.

“Kami akan terus memperkuuh langkah pencegahan dan memastikan gangguan yang minimum terhadap operasi perniagaan kami,” katanya.